

**Sudut Pandang daripada Pengerusi Badan Pengurusan Bersama Apartment dan Kedai Seksyen 7**  
**Lestari Perdana**

**Oleh : Mohd Khazimi Bin Ismail**

Dalam siri pertama dulu saya telah nyatakan serba sedikit tentang pembersihan dan tuntutan penduduk bagi menjamin keadaan persekitaran sentiasa bersih dan selesa tetapi realitinya masalah sampah tidak jugak selesai walaupun JMB telah membelanjakan melebihi pecahan peruntukan yang ditetapkan. Akibatnya perbelanjaan bagi tujuan lain terbantut kerana banyak wang dibelanjakan untuk tujuan pembersihan.

Pada tahun ini JMB terpaksa mengurangkan kos untuk pembersihan bagi membolehkan perancangan yang dibuat sejak tahun 2009 dapat dilaksanakan. Antaranya ialah membaikpulih saluran kumbahan, menambah lampu di koridor dan blok serta tambahan peruntukan untuk bil elektrik berikutan penambahan jumlah lampu dan peningkatan tariff elektrik.

Berbalik kepada hal-hal berkaitan pembersihan ingin saya tegaskan bahawa banyaka faktor mendorong kepada peningkatan kos untuk pembersihan. Faktor ini dapat dielakkan sekiranya semua penduduk mengikut garis panduan yang telah ditetapkan dalam Kaedah-Kaedah Dalaman seperti yang telah diedarkan kepada semua penduduk pada Mei 2009 dan juga seperti yang dipaparkan dalam laman web JMB Lestari Perdana iaitu [www.lestariperdana.webs.com](http://www.lestariperdana.webs.com).

Faktor utama yang dapat kita saksikan sendiri ialah sikap penduduk yang menyumbang kepada peningkatan sampah. Contoh jelas, dalam kaedah-kaedah dalaman dinyatakan penduduk perlu membuang sampah ke dalam tong sampah tetapi adakah semua penduduk membuang sampah ke dalam tong sampah? Kalau kita perhatikan, dianggarkan lebih lima peratus penduduk khususnya yang tinggal di tingkat atas yang tidak mahu meletakkan sampah di dalam tong sampah yang disediakan di tingkat bawah. Mereka lebih gemar meninggalkan sampah di koridor, tangga, dan sebagainya. Tak kurang juga yang mencampakkan terus sampah dari tingkat atas melalui tingkap. Ada antaranya apabila ditegur dengan selamba memberi jawapan ' biar cleaner ada kerja sikit, taka da makna saya bayar kalau asyik makan gaji buta je'

Selain daripada itu, masalah lain yang menyumbang kepada peningkatan kos adalah untuk membersihkan najis binatang seperti kucing dan anjing. Memang jelas dalam peraturan yang ditetapkan tiada seorangpun dibenarkan memelihara binatang. Tetapi lebih malang lagi binatang itu dibiarkan membuang najis di merata tempat. Tidak kurang juga terdapat kucing dan anjing liar yang bebas bergerak di merata tempat. Saya pernah bertanya dengan doktor haiwan bagaimana nak atasi masalah kucing liar di kawasan perumahan. Dia tanya saya balik macam mana boleh ada kucing dan anjing liar di kawasan kamu? Ikut kajian saya kucing dan anjing liar tak tinggal di kawasan apartmen sebab kawasan apartmen bukan daya tarikan untuk kucing dan anjing liar berada di sana?

Saya hairan dengan jawapan dia, seterusnya saya jelaskan satu persatu masalah yang dihadapi. Dia kemukakan cadangan dan sekiranya apa yang dicadangkan itu dipatuhi oleh penduduk, yakin dan

percayalah suatu hari nanti anda tidak akan jumpa dengan kucing dan anjing. Masalah tahi kucing dan anjing akan selesai sepenuhnya.

Katanya antara langkah-langkah pencegahan yang perlu diambil ialah pertama, jangan ada sesiapa memelihara binatang sama ada dalam unit apartmen atau di mana sahaja kawasan apartmen. Kedua Semua penduduk jangan beri makanan pada kucing di kawasan koridor, tangga dan dimana sahaja kawasan apartmen. Ketiga, jangan buang sisa makanan di koridor dan tangga. Keempat, pastikan tidak disediakan tempat kucing dan anjing tidur dalam bangunan seperti alas kaki, kain buruk, kotak kertas dan sebagainya. Kucing dan anjing tidak akan tidur atas simen.

Sekiranya faktor tarikan kepada kucing untuk menginap dalam apartment, sudah tentu dalam tempoh hanya sebulan sahaja anda sudah dapat lihat najis kucing dan anjing sukar dijumpai di kawasan apartmen. Dalam tempoh tiga bulan anda tidak akan jumpa dengan kucing dan masalah tahi kucing dapat diatasi sepenuhnya.

Terlanjur pulak menghuraikan masalah kebersihan berpunca dari binatang, kini masalah lain berpunca dari manusia seperti tiada kawalan ke atas pengusaha bengkel kereta dan motor dan juga perniagaan yang menyumbang kepada masalah sampah. Kawasan akan bersih dan kemas sekiranya tiada bengkel kereta dan motor, stor, dan hanya satu jenias perniagaan sahaja dibenarkan di kawasan ini. Saya yakin dan percaya 90 peratus wang dapat dijamin untuk tujuan pembersihan dan dapat digunakan untuk tujuan penyelenggaraan. Pastikan kesemua unit kedai dijadikan pejabat dan pusat operasi kepada penduduk sekitar antaranya seperti pejabat-pejabat swasta, klinik, bank, atau apa sahaja perkhidmatan yang tidak mengganggu penduduk, tempat letak kereta dan mendatangkan masalah sampah.

Semua sedia maklum, kawasan perumahan hanya perniagaan yang tidak menimbulkan kacau ganggu kepada penduduk, masalah tempat letak kereta, dan tidak mendatangkan sampah sahaja dibenarkan. Tetapi kemana perginya tanggungjawab kita dalam mewujudkan suasana selesa di kawasan perumahan?. Tanyalah diri kita sendiri. Kalau semua pemilik unit bertanggungjawab masalah seperti yang kita lihat pada hari ini dapat diselesaikan sepenuhnya. Manfaat besar yang diperoleh adalah pemilik unit itu sendiri kerana sudah tentu nilai hartanah akan melonjak, suasana tempat tinggal yang selesa, dan yang peroleh keuntungan adalah pemilik unit itu sendiri.

Saya pernah menawarkan kepada unit apartmen dan kedai untuk membantu mereka bagi memastikan tiada unit dibiarkan kosong, kedai pula hanya digunakan untuk pejabat dan aktiviti perniagaan yang tidak menimbulkan kacau ganggu kepada penduduk. tetapi tak ramai yang bersedia untuk dibantu.

Sama-samalah kita menyumbang kepada penyelesaian masalah dan bukannya menambah masalah. Tidak adil hanya menyerahkan kepada pihak pengurusan sahaja untuk bertungkus lumus menyelesaikan masalah sampah tetapi ribuan yang lain mengambil tindakan menjana sampah. Ingatlah kebersihan itu sebahagian daripada iman. Kebersihan itu mencerminkan keperibadian kita dan sama-samalah kita bersatu padu memastikan kebersihan sentiasa terpelihara.

Bersambung pada coretan akan datang